

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 27, 2019 3:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Silaturahmi Dan Khidmat Sosial IPQ Bersama Madrasah Tahfiz Taufiqqilah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 MEI 2019 / 22 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Hazlina Ghazali
Gambar oleh: IPQ

MAJLIS SILATURAHIM DAN KHIDMAT SOSIAL IPQ BERSAMA MADRASAH TAHFIZ TAUFIQQILAH



UUM ONLINE: Bulan Ramadan, bulan umat Islam berpusu-pusu mengejar pahala dan melakukan amal kebaikan, tidak ketinggalan Kelab Kebajikan dan Rekreasi, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) yang turut mengambil peluang itu dengan menyampaikan sumbangan kepada Madrasah Tahfiz Taufiqqilah pada Majlis Silaturahmi dan Khidmat Sosial di Jitra, baru-baru ini.

Pengarah IPQ, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar berkata, program tersebut bertujuan mengeratkan hubungan antara staf IPQ dengan masyarakat setempat dan pada masa sama menyalurkan sumbangan bagi meringankan bebanan mereka.

Ketibaan 12 staf IPQ bersama ahli keluarga telah disambut Mudir Madrasah, Abi Auzaid Ismail dan pelajar-pelajar tahfiz yang berusia antara tujuh dan 18 tahun.

Pada majlis silaturahmi tersebut, staf IPQ telah diberikan taklimat ringkas tentang sejarah penubuhan madrasah yang bermula dengan modal sebanyak RM15,000 dan sehingga kini kos keseluruhan madrasah telah menelan belanja sebanyak RM3 juta yang diperolehi hasil sumbangan awam, zakat dan kutipan di seluruh negara.

Kesempatan itu juga, staf IPQ telah melawat ladang madu kelulut dan mendengar penerangan tentang penjagaan 140 sarang kelulut yang pada asalnya bermula dengan hanya dua sarang sahaja.

Mudir Madrasah, Abi Auzaid berkata, madrasah itu juga menjalankan perniagaan madu kelulut yang diusahakan bersama anak-anak tahfiz di ladang bersebelahan madrasah dan hasil jualan itu mampu membantu menampung perbelanjaan bulanan mereka.

Menurutnya lagi, 70 peratus daripada jumlah pelajar ini tidak dikenakan yuran pengajian kerana kebanyakan mereka adalah anak asnaf, fakir miskin dan mualaf, selain mempunyai latar belakang, keturunan dan bangsa yang berbeza.

Pada majlis itu, Prof. Dr. Sany Sanuri menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan dapur dan wang hasil kutipan dari staf IPQ dan warga UUM serta sumbangan duit raya kepada pelajar tahfiz di situ.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.